

# OIC-Malaysia-Filipina setuju hantar pulang Misuari

UM 2 1 DEC 2001

KUALA LUMPUR 20 Dis. — Mesyuarat peringkat tertinggi antara wakil Perisidangan Negara-Negara Islam (OIC), kerajaan Malaysia dengan kerajaan Filipina di Manila hari ini bersejua supaya bekas Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM), Nur Misuari dihantar pulang ke negara asalnya.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, kerajaan Filipina telah mengesabkan akan membawa balik Misuari tetapi pada satu tarikh tidak diketahui. "Misuari akan dibawa ke muka pengadilan tetapi Filipina menyatakan beliau akan dilayan berdasarkan prinsip-prinsip kemanusiaan," katanya ketika dihubungi di Manila malam ini.

Beliau diminta mengulas mengenai hasil perbincangan membabitkan Malaysia dan Indonesia yang mewakili OIC berhubung kedudukan Nur Misuari dengan kerajaan Filipina di Istana Malacanang hari ini. Beliau mewakili Malaysia dan

Indonesia diwakili oleh Menteri Luarnya, Hassan Wirayuda.

Misuari kini masih dalam tahanan pihak berkuasa Malaysia sejak 24 November lalu selepas beliau ditangkap di perairan Pulau Jamniras. Sandakan ketika cuba memasuki perairan negara secara haram.

Syed Hamid berkata, antara yang dibincangkan termasuk mengiktiraf Dr. Parouk Hussin yang kini menggantikan Misuari sebagai pengerusi Jawatankuasa 15 yang ditubuhkan oleh OIC

Mesyuarat itu juga membincangkan masa depan perjanjian damai antara Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) dengan Manila yang ditandatangani pada 1996.

"Pertemuan itu membuat rumusan bagi mencari jalan bagaimana memenuhi kehendak dan aspirasi penduduk Islam di Filipina dalam bidang ekonomi sosial dan politik," katanya.

Beliau berkata, beberapa siri perbincangan telah diadakan selama kira-kira enam jam bermula pukul 3 petang ini.

Syed Hamid berkata, pertemuan pertama membabitkan Naib Presiden Filipina yang juga Setiausaha Luar, Teofisto Guingona.

Katanya, ia kemudian disusuli dengan perbincangan bersama beberapa Penasihat Presiden termasuk Penasihat Keselamatannya, Roilo Golez dan Penasihat Pertahanan Eduardo Ermita.

Perbincangan berikutnya membabitkan Dr. Parouk Hussin sebelum diakhiri dengan pertemuan dengan Presiden Arroyo, Guingona dan Setiausaha Pertahanan, Angelo Reyes.

"Presiden Arroyo mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Presiden Megawati Sukarnoputri atas kerjasama kedua-dua pemimpin berhubung isu ini," katanya.